



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

FAKULTI PENDIDIKAN

PERADABAN ISLAM DAN TAMADUN DUNIA
GGGC 6473

NAMA PENSYARAH:

DR HJ MAIMUN AQSHA LUBIS

NAMA PELAJAR:

Anisah binti Ali dan Sabariah binti Sulaiman

TAJUK SEMINAR:

TAMADUN DALAM BIDANG FALSAFAH

1. PENDAHULUAN

Menurut Kamus Dewan (1993), tamadun ialah kebudayaan, kemajuan dan peradaban sesuatu bangsa. Kamus Oxford (1985) dan M.A.J Beg (1982) pula mendefinisikannya sebagai *culture, renaissance, enlightenment* dan *civilisation*. Dalam Bahasa Arab, perkataan yang sinonim dengan tamadun ialah *ath-thaqafah, al-hadharah, al-'umran, al-bunyan, al-madaniyyah dan at-tamaddun*. (Fuad Irfan Al-Bustami, 1956). Dalam bahasa Melayu, istilah yang biasa digunakan ialah kebudayaan, peradaban, tamadun dan madani. Tamadun seringkali dirujuk sebagai peradaban, kemajuan (kebendaan dan kerohanian), kebudayaan, keilmuan, pergaulan, pendidikan, teknologi, akhlak dan sopan santun. (Mohd. Yusuf Ahmad, 2003).

Dalam Islam, kemajuan dan pembangunan tidak terhad kepada kebendaan dan fizikal sahaja, sebaliknya ia juga merangkumi aspek kerohanian, akhlak dan akal. Justeru, masyarakat dan negara yang bertamadun dilihat bukan saja memiliki kemajuan dalam bidang kebendaan, bangunan, sains dan teknologi malah turut melibatkan masyarakat berperibadi mulia, pergaulan yang baik dan saling bekerjasama, kehidupan yang aman dan harmonis antara kaum, agama dan bangsa serta tidak ada kezaliman.

Secara ringkasnya, kepentingan tamadun dapat dilihat bagaimana ia berfungsi sebagai pemelihara hubungan antara manusia dengan penciptanya, menjaga hubungan sesama manusia, menjaga hubungan antara manusia dengan alam di samping memberikan kesejahteraan dan kesejahteraan hidup.

Membentuk sebuah tamadun bolehlah diumpamakan seperti membina sebuah bangunan. Antara yang paling penting dalam pembinaan itu ialah proses pembentukan asasnya. Jika kukuh asas tersebut, maka kukuhlah tamadun tersebut. Jika lemah, maka robohlah apa sahaja yang dibina di atasnya. Berikut adalah antara asas yang amat penting untuk diterapkan dalam pembinaan sesuatu tamadun (Dr.Harun Din, 1996):

i. Akhlak Sebagai Asas

Rasulullah s.a.w telah memulakan pembentukan masyarakat yang akhirnya telah membentuk tamadun dengan memberi fokus kepada budi pekerti yang mulia. Ia dianggap asas paling kuat untuk melahirkan manusia yang bersih hati, ikhlas dalam hidup, amanah dalam tugas, cinta pada kebaikan dan benci kepada kejahatan.

Sejajar dengan sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud ”*sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang terpuji*”, memperbaiki akhlak dan mengajar manusia dengan perangai mulia adalah tugas semua rasul. Usaha mengajar manusia agar berakhlak mulia akan tercapai dengan adanya contoh teladan terlebih dahulu. Ternyata Rasulullah s.a.w menjadi contoh utama dalam keluhuran budi. Firman Allah SWT dalam Surah al-Qalam 68:4

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

Maksudnya : Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.

Firman-Nya lagi :

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ ^ط وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا

مِّنْ حَوْلِكَ ^ط ﴿٥٩﴾

Maksudnya : Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu Wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. (Ali Imran 3:159)

Apabila Saidatina Aishah r.a ditanya tentang akhlak Rasulullah s.a.w, baginda menjawab bahawa akhlak Rasulullah s.a.w ialah al-Quran. Ini kerana banyaknya contoh akhlak mulia yang ideal yang ditunjukkan oleh Nabi s.a.w terkandung dalam al-Quran.

Oleh itu, wajarlah jika al-Quran dijadikan panduan untuk membina masyarakat, negara dan seterusnya tamadun manusia itu sendiri.

ii. Keperibadian Muslim Sebenar.

Keikhlasan dalam menyembah Allah SWT akan melahirkan peribadi yang teguh dan betul. Keteguhan inilah yang akan melahirkan manusia yang tunduk kepada penciptanya dan tidak tergoda dengan tipu daya dunia. Melahirkan individu yang benar-benar komited tidak akan tercapai sepenuhnya jika sekadar mengubah nama atau adat resam lahir sahaja. Apa yang lebih utama ialah mengubah hati nurani manusia agar menjadi orang yang benar-benar menghayati ajaran agama sepenuhnya. Agama adalah teras kekuatan untuk bertahan dan menyerang sesuatu yang mengancam manusia.

2. ISU-ISU DAN CABARAN DALAM PEMBINAAN TAMADUN MALAYSIA MASA KINI.

Terlalu banyak yang boleh diutarakan berhubung isu dan cabaran dalam pembinaan tamadun masa kini di Malaysia. Sekadar memberi fokus kepada beberapa aspek, penulisan ini akan membahaskan impaknya kepada pembentukan tamadun masyarakat Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, agama dan bangsa.

2.1 CABARAN DALAM ASPEK SOSIAL

2.1.1 Dekadensi Moral

Dewasa ini, isu keruntuhan moral dan akhlak sering diperkatakan oleh masyarakat umum di Malaysia sama ada di surat khabar, televisyen, forum hinggalah ke warung-warung. Gejala sosial ini dikatakan melanda semua penduduk di Malaysia dengan peratusan yang tinggi melibatkan masyarakat Islam Melayu berbanding India, Cina dan lain-lain. Keruntuhan moral dan akhlak melanda semua lapisan masyarakat Melayu Islam tanpa

mengira golongan baik miskin, sederhana mahupun kaya, usia remaja mahupun tua dan kumpulan intelek mahupun bukan intelek.

Sekolah yang berperanan sebagai institusi pendidikan tidak terlepas daripada dilanda gejala sosial. Antara gejala sosial yang dapat diperhatikan berlaku di sekolah ialah *vandalisme*, tidak menghormati guru, membuli dan memeras ugut serta lain-lain lagi. Ini tentunya menjejaskan reputasi guru selain memberikan impak yang besar terhadap para ibu bapa dan masyarakat umumnya. Gejala pelanggaran disiplin dianggap serius dan tidak sepatutnya berlaku kerana ia bertentangan dengan norma hidup dan agama masyarakat timur, khususnya Melayu Islam. Contoh lain yang dapat dikaitkan dengan gejala keruntuhan moral ini ialah seperti murtad, *black metal*, rempit, berpakaian menjolok mata dan lain-lain lagi.

Institusi kekeluargaan juga dikatakan rapuh dengan banyaknya berlaku gejala tidak sihat seperti pembunuhan sesama ahli keluarga, sumbang mahram dan sebagainya. Ia tidak sepatutnya berlaku sama sekali dalam sistem masyarakat yang meletakkan moral atau akhlak pada tahap yang tinggi. Tidak mustahil fenomena ini akan jadi lebih serius, tidak terkawal dan menjadi suatu kebiasaan apabila tidak ada tindakan bersepadu diambil oleh kerajaan dan institusi sosial yang terlibat dalam persoalan kekeluargaan. Badan-badan yang terlibat contohnya Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kementerian Pelajaran, Kementerian Hal-Ehwal Wanita, Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat serta lain-lain badan bukan kerajaan perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dan efektif dalam menangani gejala tersebut dari sudut penguasaan undang-undang dan sebagainya.

Selain dari itu, institusi sosial atau masyarakat secara keseluruhannya juga tidak berfungsi dengan baik. Ini diburukkan lagi dengan sikap mementingkan diri sendiri, serta tidak ambil peduli apa yang berlaku pada masyarakat sekeliling. Gejala penyalahgunaan dadah, pil-pil khayal, meminum minuman keras berlaku secara meluas di kalangan remaja dan dewasa, baik di kampung, FELDA mahupun di bandar-bandar. Kegiatan pecah rumah dan pelacuran juga menunjukkan sistem sosial di kawasan berkenaan

tidak berfungsi dengan baik. Perkara ini tidak akan berlaku jika wujud hubungan baik dan persepakatan di kalangan anggota masyarakat berkenaan. Sistem sosial sedia ada seperti RELA, Rukun Tetangga dilihat kurang efektif dalam konteks ini. Keadaan lebih diburukkan jika mereka tidak mempunyai hubungan yang rapat dengan polis. Jurang ini akan lebih menyemarakkan penyakit keruntuhan akhlak tersebut.

Antara faktor lain yang menyumbang kepada dekadensi moral ini ialah ledakan teknologi yang disalahgunakan. Tanpa menafikan kepentingan teknologi informasi dan komunikasi kepada kehidupan manusia, kesan sampingan yang membawa kepada keruntuhan akhlak ialah seperti melayari laman pornografi, meniru budaya hedonisme dan berhibur keterlaluan, melepak di pusat-pusat siber, menyebarkan fitnah adalah antara penyakit yang timbul. Sistem pendidikan negara yang terlalu berorientasikan peperiksaan juga menyumbang kepada mengutamakan nilai-nilai akademik berbanding pembentukan sahsiah dan moral. Hambatan untuk menghabiskan silibus pelajaran bagi mencapai target peperiksaan menyebabkan guru kadang kala terlepas pandang aspek kerohanian dan kasih sayang untuk diterapkan kepada para pelajarnya. Begitu juga ibu bapa yang terikat dengan urusan mencari nafkah sehingga menyebabkan tidak dapat meluangkan masa bersama anak-anak. Kesannya, anak-anak akan mencari ketenangan di luar rumah yang kebiasaannya lebih banyak menjerumuskan mereka ke arah yang negatif. Ada juga yang kurang prihatin terhadap anak-anak berhubung aspek pergaulan dan aktiviti seharian mereka.

Cabaran isu dekadensi moral ini kepada pembinaan tamadun ialah akan melahirkan generasi yang tidak berwawasan. Selain dari lupa akan nilai-nilai agama dan budaya disebabkan keseronokan menghidupkan keduniaan, mereka juga boleh keliru antara amalan agama dan budaya disebabkan longgarnya akidah dan kepercayaan beragama masing-masing. Pastinya ini memperlihatkan betapa rapuhnya nilai keagamaan dalam diri yang sepatutnya berupaya menjadi benteng menyelamatkan mereka dari unsur-unsur negatif. Keruntuhan akhlak akibat terpengaruh dengan sekularisme dan liberalisme hasil modenisasi juga bakal mewujudkan generasi yang tiada jati diri, baik untuk dirinya

sendiri, masyarakat apatahlagi negara. Ini sangat berbahaya dan boleh menggugat kestabilan negara di samping membantutkan proses pembinaan tamadun yang sihat.

2.1.2 Dadah

Dadah ialah satu istilah khas kepada sejenis bahan yang mendatangkan mudarat kepada kesihatan seseorang dari segi jasmani, rohani serta tingkahlaku penggunaanya. Seseorang yang menggunakan dadah biasanya akan mencetuskan ketagihan dan akan bergantung kepadanya sepanjang hayat. Seseorang penagih sanggup melakukan apa sahaja demi mengatasi ketagihan walaupun terpaksa menggadai maruah, membunuh, merompak dan sebagainya.

Menurut Abdul Ghafar Taib (2005) dalam bukunya Bersama Perangi Dadah, secara psikologinya, penagih mengalami semacam ketagihan dan sangat memerlukan dadah untuk berfungsi secara normal dan mencapai ketenangan jiwa. Secara fizikalnya pula, tubuh penagih memerlukan dadah untuk menjalani proses fisiologi biasa. Jika penggunaan dadah terhenti, mereka akan mengalami gejala tarikan iaitu tanda-tanda tertentu dari segi tingkah laku dan fizikal yang ditunjukkan semasa ketiadaan dadah seperti sakit perut, muntah-muntah, cirit birit dan menggeletar. Dengan kata lain, ia akan membawa perubahan ke atas fungsi sosial dan kesihatan mental seseorang sehingga membawa risiko yang amat tinggi dan boleh membawa maut sekiranya mengambil dos yang berlebihan.

Profil penagih dadah di Malaysia bagi tempoh Januari hingga Jun 2004 adalah seperti berikut (Abdul Ghafar Taib, 2005):

- 94.48 % lelaki
- 66.34 % Melayu
- 21.61 % terdiri dari golongan belia yang majoritinya berumur 25-29 tahun
- 80.66 % berpendidikan hingga sekolah menengah (tamat tingkatan 3 sekurang-kurangnya)
- 86.86 % berkerjaya (majoritinya buruh am)
- 66.27 % merupakan penagih heroin dan morfin

- 50.88 % mengakui mula terjebak disebabkan pengaruh kawan.

Keseriusan masalah dadah ini dapat dilihat menerusi Lampiran 1-4.

Banyak faktor yang menyumbang kepada masalah dadah. Antaranya ialah pergaulan bebas dan pengaruh kawan. Kurangnya didikan agama dan ketipisan iman menambah buruknya masalah ini. Tanpa iman yang mantap, pastinya tiada kekuatan dalaman yang mengawal mereka dari desakan naluri yang keji ini. Dengan ini, mudah saja mereka terjerumus. Ada juga remaja yang tertekan dengan kehendak ibu bapa terlibat dalam masalah dadah umpamanya mereka yang terlalu dikongkong pergerakan dan pergaulan, tertekan dengan prestasi akademik yang tidak memenuhi impian ibu bapa. Ada juga kes mereka yang tertipu dengan agen sosial atau sindiket yang berpura-pura menolong mendapatkan pekerjaan tetapi akhirnya menipu mangsa untuk terlibat dalam perniagaan dadah (Mohd. Yusuf Ahmad, 2005).

Cabaran isu dadah terhadap pembinaan tamadun melibatkan bukan saja individu, malahan juga kepada keluarga, ekonomi, masyarakat, agama dan juga negara. Dadah akan merosakkan fungsi otak penggunaannya selain mereputkan tulang melemahkan tenaga dan menyebabkan kemandulan (Abdul Ghafar Taib, 2005). Mereka juga biasanya sukar dipulihkan dan mudah dijangkiti HIV/AIDS. Selain dari itu, mereka biasanya suka mengasingkan diri, sensitif, mudah putus asa, tidak tahu menyusun keutamaan dan berkemungkinan terlibat dalam jenayah. Ini pastinya menjejaskan kehidupan berkeluarga mereka, sama ada terhadap ibu bapa, pasangan hidup, anak-anak dan lain-lain. Selain menjadi beban kepada keluarga, ada juga keluarga yang menanggung risiko dipulau oleh masyarakat gara-gara penglibatan ahlinya dalam dadah ini.

Bagi penagih yang berkerjaya, masalah ketagihan pastinya mengganggu kualiti kerja dan menjejaskan produktiviti. Keamanan dan ketenteraman masyarakat juga akan terancam apabila penagih akan melakukan apa saja bagi mendapatkan wang untuk membeli dadah seperti mencuri, membunuh dan sebagainya. Masalah dadah yang serius juga memburukkan imej negara di mata dunia. Tidak mustahil dalam kesempatan begini,

ada kuasa luar yang mencari peluang melemahkan pentadbiran negara. Selain itu, negara juga akan ketandusan generasi pelapis yang berkualiti untuk menjalankan fungsinya sebagai pemimpin, rakyat maupun tenaga kerja yang produktif.

Sesuatu yang amat penting untuk diperhatikan kerana masalah penagihan ini melibatkan golongan Melayu yang paling ramai ialah kepercayaan beragama mereka. Penagih dadah mempunyai mental yang kurang stabil. Apabila terdesak untuk menghilangkan rasa ketagihan, mereka sanggup melakukan apa sahaja walaupun terpaksa mengeneipkan nilai agama dan moral. Mereka akan membelakangkan kepercayaan pada Tuhan dan ini pastinya menjatuhkan martabat agama.

2.1.3 Masyarakat Majmuk

Majmuk menurut Kamus Dewan (1993) ialah terdiri atau terbentuk daripada beberapa bahagian dan sebagainya tetapi merupakan kesatuan. Oleh itu, masyarakat majmuk ialah masyarakat yang terdiri daripada beberapa kaum (suku bangsa) atau bangsa. Dalam konteks Malaysia, antara etnik yang mendominasi dari segi populasi ialah Melayu, Cina dan India.

Dari sudut sejarahnya, etnik Melayu merupakan kelompok masyarakat nukleus yang boleh menjamin kesejahteraan dan kestabilan masyarakat majmuk Malaysia secara keseluruhannya. Walaupun kini Malaysia sebuah negara yang melangkah maju ke hadapan, namun pembangunan fizikal sahaja belum tentu menjamin realiti satu konsep bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik, agama dan budaya. Terdapat banyak halangan yang perlu ditempuhi untuk mengekalkan keamanan dan perpaduan masyarakat majmuk.

Antara halangan yang timbul dalam memperkatakan masyarakat majmuk ialah polarisasi kaum, iaitu pemisahan kaum mengikut budaya dan kerjaya. Manifestasi masalah ini dapat dilihat pada peristiwa 13 Mei 1969. Ketegangan hubungan antara kaum Melayu dan Cina telah mengorbankan banyak nyawa kedua-dua belah pihak.

Masalah ini wujud disebabkan tiada interaksi positif antara kebudayaan Melayu dan Cina, diburukkan pula dengan sikap penjajah British yang tidak mengintegrasikan dua etnik ini. (Ezad Azraii Jamsari, 2004).

Selepas merdeka, kerajaan banyak menjalankan usaha mengintegrasikan masyarakat majmuk terutamanya melalui dasar pendidikan dan ekonomi negara. Pelan Rancangan Malaysia, Dasar Ekonomi Baru, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi adalah antara beberapa contoh daripada usaha tersebut. Sungguhpun demikian, sehingga kini jurang hubungan antara kaum tetap wujud terutamanya disebabkan faktor perbezaan ras dan agama. Wujud juga sekelompok masyarakat yang mencemburui etnik Melayu yang merupakan masyarakat nukleus sehingga mereka membuat tuntutan agar dihapuskan hak istimewa bumiputera.

Tuntutan sebegini amat berbahaya bagi pembinaan tamadun di Malaysia kerana boleh memecahbelahkan perpaduan kaum disebabkan dangkalnya golongan ini memahami erti sejarah. Generasi yang salah dalam mentafsirkan sejarah kemerdekaan negara dan kontrak sosial umpamanya boleh menggugat kestabilan negara. Negara pastinya mengalami masalah dalam mencari generasi yang mempunyai jati diri serta semangat nasionalisma yang tulen jika salah faham ini tidak ditangani dengan segera.

Cabaran yang tidak kurang penting dalam menuju era kemajuan masyarakat majmuk ialah mengekalkan nilai-nilai luhur dan murni. Pelbagai desakan hidup masa kini menyebabkan ramai manusia hilang nilai kemanusiaannya. Ini akan membawa kepada risiko meningkatnya masalah sosial dalam masyarakat.

2.1.3 Pendatang Asing

Kamus Dewan (1993) mendefinisikan pendatang asing sebagai orang yang berhijrah ke sesebuah negara untuk tempoh tertentu, biasanya untuk mencari rezeki atau sara hidup. Kebiasaannya, mereka akan membawa bersama kebudayaan dan cara hidup mereka ke tempat yang baru, lebih-lebih lagi jika bersama-sama kalangan mereka dalam satu kumpulan tertentu.

Malaysia umpamanya adalah lubuk emas bagi golongan pendatang kerana keamanan, kemakmuran serta sumber ekonomi yang banyak boleh diterokai. Golongan ini datang dari pelbagai negara di seluruh dunia termasuklah Indonesia, Bangladesh, Afrika, Asia Barat, Myanmar dan lain-lain lagi. Mengikut perangkaan Jabatan Imigresen, jumlah pendatang asing yang rasminya berdaftar ialah dua juta orang. Walau bagaimanapun, mengambilkira kemasukan secara haram atau kes menyalahgunakan pasport dan visa sebagai pelajar atau pelancong, tinggal melebihi atau penipuan dokumen serta melihat senario 'kebanjiran' pendatang asing di mana-mana di Malaysia, dianggarkan jumlah ini telah mencapai empat juta orang!! (Utusan Malaysia, Jumaat 5 Oktober 2007).

Di mana-mana sahaja kita boleh melihat pendatang asing sama ada di dalam bas, LRT, komuter, pasar malam, pasar raya, pusat membeli belah, restoran dan lain-lain lagi. Di kawasan perumahan, jumlah mereka terasa meningkat mendadak dan di sesetengah lokasi melebihi penduduk tempatan. Ini termasuk tumpuan baru para pendatang itumenyewa di rumah-rumah kedai. Kini, rakyat Malaysia berasa bukan sahaja tidak selesa, malah tidak selamat dengan lambakan pendatang.

Fenomena ini cukup menghantui dan menjadi ancaman kepada keselamatan negara mahupun pembinaan tamadun masyarakat Malaysia. Berlaku banyak rusuhan dan demonstrasi oleh pendatang dan tahanan yang mencemarkan imej negara. Indeks jenayah melibatkan pendatang juga semakin meningkat khususnya mereka yang datang dari Indonesia, Bangladesh dan Afrika. Dari segi sosial pula, ia turut menyumbang kepada masalah setingan, kos yang lebih meningkat di hospital dan sekolah awam dan yang tidak kurang membimbangkan ialah isu pekerjaan. (Utusan Malaysia, Jumaat 5 Oktober 2007). Kini, banyak peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan telah direbut oleh pekerja asing yang diberi gaji yang lebih rendah. Bagaimanakah nasib rakyat kita, khususnya generasi baru? Adakah bakal menepati perumpamaan 'kera dihutan disusui, anak sendiri mati kelaparan?'

2.2 CABARAN DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Istilah modal insan sering diperkatakan mutakhir ini. Apakah modal insan? Modal insan dapat didefinisikan sebagai pengetahuan, kemahiran dan kebolehan kelompok manusia dalam satu organisasi. Modal insan amat berharga sebagai bentuk modal intelektual yang boleh diperbaharui. Ia adalah sumber tetap bagi kreativiti, inovasi dan keupayaan untuk berubah ([www.astd.org/astd/Resources/performance improvement communiy](http://www.astd.org/astd/Resources/performance_improvement_community)).

Dari perspektif Barat, pembangunan modal insan difahami sebagai suatu cara untuk mengenal dan mengkategorikan kemahiran dan kebolehan orang yang diguna dalam pengambilan pekerja dan dalam hal lain, mereka memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Fokus utama adalah pembangunan sumber manusia dari sudut pengetahuan dan kemahiran tertentu yang dapat memberi pulangan kepada ekonomi sesebuah organisasi atau masyarakat. Sebaliknya, pada perspektif Islam, modal insan mementingkan aspek pembangunan intelektual dan emosional serta melibatkan pembangunan spiritual. Islam melihat modal insan sebagai suatu konsep yang amat luas dan lebih terperinci tanpa terdapat lompang-lompang yang tidak dihuraikan. ([http://www // my gamis.wordpress.com](http://www//mygamis.wordpress.com)).

Pembangunan modal insan dalam pembinaan tamadun Malaysia dapat difahami sebagai pembangunan yang seimbang bagi memenuhi keperluan aqli, jasmani dan rohani. Pembangunan ini ialah pembangunan yang berterusan dan berkesinambungan dari generasi ke generasi. Pembangunan modal insan akan terus menjadi antara agenda utama program pembangunan negara selaras usaha membentuk individu berketrampilan dan berkualiti dalam melahirkan masyarakat yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Antaranya, ia meliputi usaha membangunkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran, inovatif, memiliki nilai jati diri, beretika, mempunyai pendidikan, terlatih dan mempunyai pekerjaan sewajarnya.

Bagaimanakah modal insan dapat dibangunkan? Modal insan dapat dibangunkan dengan mewujudkan satu budaya pembangunan diri (*self development culture*) yang

menjurus pemupukan (*nurturing*) budaya cemerlang, gemilang dan terbilang berserta budaya persaingan (*competitive culture*) yang sentiasa menggalakkan setiap anggota untuk menampilkan rekacipta atau hasil yang baru setiap masa. Penekanan kepada budaya yang sentiasa menimbulkan keinginan untuk terus belajar (*learning*) belajar semula (*relearning*), belajar perkara-perkara baru (*learning new thing*) dan kesediaan untuk belajar meninggalkan perkara-perkara yang sudah lapuk (*unlearning*). Penekanan budaya perkongsian ilmu (*knowledge sharing*) yang akan membawa kepada satu kesepakatan bersama dalam melakukan yang terbaik (*best practices*) (Abdul Razak Ahmad, 2006).

Menurut YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi (2005), pembangunan modal insan boleh terlaksana dengan usaha membangunkan rakyat menerusi penguasaan ilmu pengetahuan, pengamalan nilai-nilai murni, mempunyai jiwa yang bercita-cita tinggi, cinta negara dan memiliki kekuatan fizikal dan spritual.

Generasi muda di negara ini merupakan kelompok terbesar yang mengisi ruang dan jumlah keseluruhan kependudukan negara. Ini menunjukkan mereka sebagai kelompok masyarakat yang memainkan peranan yang amat besar dan penting dalam jatuh bangun sesebuah negara. Sebarang tindakan mereka tetap akan memberi implikasi kepada kesejahteraan negara (Khairul Azhar Idris, 2005). Merujuk kepada perbincangan yang telah di utarakan dalam aspek cabaran pembangunan sosial, kesemua perkara tersebut merupakan cabaran utama dalam pembentukan modal insan. Kehebatan agenda negara dengan barisan pemimpin berkaliber sahaja tidak mencukupi untuk membangunkan modal insan tanpa kesedaran hakiki di kalangan warganegara umumnya dan warga muda khususnya.

Abdul Razak Ahmad (2006) menyimpulkan perbincangan berhubung pembangunan modal insan kepada empat aspek penting:

Pertama : Pembangunan modal Insan bertitik tolak daripada satu kefahaman yang menyeluruh tentang diri manusia iaitu memahami siapa manusia, kenapa manusia ditugaskan, apa faedah kepada manusia dan ke mana seterusnya manusia.

Kedua : Pembangunan Modal Insan memberi penekanan kepada pembangunan diri manusia secara menyeluruh iaitu merangkumi aspek kekuatan fizikal dan keutuhan spiritual yang menjadi penggerak utama.

Ketiga: Pembangunan Modal Insan meletakkan kesempurnaan dan kemuliaan insan sebagai agenda penting dalam membawa sebarang perubahan dan pembaharuan.

Keempat : Pembangunan Modal Insan memerlukan satu program pengukuhan yang berterusan dalam memastikan peningkatan keupayaan diri.

(Pembangunan modal insan yang menyeluruh dapat difahami daripada rajah dalam lampiran 5)

3.3 CABARAN DALAM PELAKSANAAN PRINSIP ISLAM HADHARI

Islam Hadhari ditakrifkan sebagai “suatu pendekatan pembangunan manusia, masyarakat dan negara Malaysia yang bersifat menyeluruh, berdasarkan kepada ruang lingkup tamadun Islam, bagi melahirkan individu dan masyarakat Islam yang mempunyai kekuatan spiritual (rohani) akhlak, intelektual dan material, mampu berdikari, berdaya saing melihat ke hadapan (futuristik), inovatif serta cekap menangani cabaran-cabaran semasa secara bijaksana, rasional, objektif, praktikal”. Definisi dan takrif ini membawa maksud ajaran Islam yang membawa kepada fokus kehidupan untuk mempertingkatkan kualiti hidup masyarakat dan negara yang bertamadun dan mempunyai peradaban yang unggul bagi menghadapi cabaran alaf baru seperti ledakan maklumat, dunia tanpa sempadan, ekonomi global, budaya materialisme, krisis identiti, jati diri serta masalah penjajahan dan cara hidup (Sidek, 2004 dalam Mohamed Shariff Bashir, 2006).

Istilah Islam Hadhari bukanlah suatu istilah yang merujuk kepada suatu agama baru yang bernama sedemikian; bukan juga suatu mazhab baru dalam mazhab-mazhab Islam. Menurut Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (2004), Islam Hadhari adalah usaha untuk mengembalikan umat Islam kepada asas; kepada fundamental. Asas dan fundamental menurut yang terkandung dalam al-Qur'an dan hadis yang merupakan teras

pembinaan tamadun Islam. Islam Hadhari jika ditafsir secara ikhlas, jikalau difahami secara jelas, sama sekali tidak akan memesongkan mana-mana umat Islam daripada asas akidah.

Hadhari ialah konsep Islam yang menekankan aspek pembangunan yang membawa kesejahteraan misalnya pendidikan yang sempurna pengurusan pentadbiran yang baik, unsur ketamadunan yang tinggi, perpaduan yang teguh berdasarkan kontrak sosial yang tersusun dan kedudukan ekonomi yang mapan. Hadhari juga membawa maksud menjunjung perintah Allah SWT tanpa sebarang dalih yang akhirnya mengeluarkan manusia daripada kegelapan jahiliyyah, kejahilan, kekufuran, kemunduran, kebekuan akal dan keterikatan pada kuasa selain Allah. Sebagai hasilnya, manusia akan menuju ke satu era peradaban dan ketamadunan sama ada dari sudut fizikal, mental mahupun kerohanian yang berteraskan ciri 'rabbani' tetapi dinamik. (Mohd Shauki Abd Majid, 2004)

Islam Hadhari mengambil pendekatan 10 prinsip utama yang perlu wujud dalam negara dan masyarakat Islam, iaitu:

- i. Keimanan dan ketakwaan kepada Allah
- ii. Kerajaan yang adil dan beramanah
- iii. Rakyat berjiwa merdeka
- iv. Penguasaan ilmu pengetahuan
- v. Pembangunan ilmu pengetahuan
- vi. Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif
- vii. Kehidupan berkualiti
- viii. Pembelaan hak minoriti dan wanita
- ix. Keutuhan budaya dan moral
- x. Pemeliharaan alam semulajadi
- xi. Kekuatan pertahanan

Pendekatan Islam Hadhari ialah pendekatan Islam yang komprehensif yang memberikan penekanan kepada pembangunan ekonomi dan tamadun yang menyeluruh, yang berupaya menjadi penggerak dan pendorong kepada peningkatan daya saing bangsa Melayu. Warisan dan tamadun Islam yang memperlihatkan kejayaan cemerlang umat Islam dalam semua bidang perlu dijadikan rujukan dan sumber inspirasi untuk memajukan bangsa Melayu.

Pengenalan Islam Hadhari tidak ketinggalan daripada menghadapi isu dan cabaran tersendiri. Menurut Wan Mohd Nor Wan Daud (2006), menyifatkan hadhari pada nama Islam, yakni Islam Hadhari boleh menimbulkan salah faham bukan sahaja dalam kalangan orang bukan Islam, malah dalam kalangan sesetengah umat Islam sendiri, kerana beberapa faktor;

Pertama : Islam ialah agama yang telah lengkap (syamil) dan sempurna (kamil), dan istilah hadhari yang bermaksud semasa, ketamadunan, atau progresif dalam erti kata yang difahami umum merujuk kepada sesuatu yang bersifat masa kini dan duniawi. Oleh yang demikian, pertautan dua istilah (Islam Hadhari) boleh menyempitkan makna Islam yang telah sedia luas dan tidak terbatas kepada perkembangan semasa dan kehidupan insan di dunia ini.

Kedua: penggunaan istilah Islam Hadhari boleh memberikan makna bahawa, terdapat agama Islam yang tidak hadhari. Hal ini ternyata tidak tepat. Agama Islam hanya satu walaupun terdapat beberapa mazhab dan aliran pemikiran di dalamnya.

Isu lain ialah istilah Islam Hadhari mungkin boleh menimbulkan salah faham seolah-olah sebelum ini Islam yang diperjuangkan dan diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. dan semua tokoh agung Islam terdahulu tidak hadhari, yakni tidak bertamadun, tidak bersifat relevan dengan aliran semasa, dan tidak progresif.(Wan Mohd Nor Wan Daud, 2006).

Secara terperinci, cabaran kepada pelaksanaan Islam Hadhari terbahagi dua bentuk (<http://www.islam.gov.my/islamhadhari/index>) :

- i.. Cabaran dalaman yang berkisar tentang:
 - Kekaburan mengenai konsep Pendekatan Islam Hadhari.
 - Kurang kesediaan masyarakat untuk menerima dan menghayati Islam Hadhari.
 - Pasif untuk menerima perubahan.
 - Ketinggalan dalam pelbagai bidang kehidupan seperti pendidikan, ekonomi dan sebagainya.
 - Taksab dan fanatik kepada sesuatu fahaman lain

- ii. Cabaran luaran yang berkisar tentang :
 - Wujudnya pengaruh pemikiran luar yang mengelirukan kefahaman umat Islam tentang Islam Hadhari seperti Islam Liberal dan lain-lain.
 - Pengaruh globalisasi yang membawa kesan negatif.
 - Salah faham dan curiga tentang usaha kerajaan dalam melaksanakan pendekatan Islam Hadhari.

3.4 CABARAN DALAM PEMBANGUNKAN TRADISI KEILMUAN

Ilmu merupakan syarat terpenting dalam pembinaan sesebuah tamadun. Budaya ilmu bermaksud pembudayaan minat terhadap ilmu yang dimanifestasikan melalui kesungguhan menyelidik dan menganalisis dengan menggunakan pancaindera secara adil, seimbang dan harmonis bagi mengasingkan antara yang haq (benar) dan bathil (palsu), juga membolehkan sesuatu tindakan berdasarkan ilmu serta sedia bertanggungjawab akan natijah dari sesuatu tindakan itu. (Mustaffa Kamil Ayub, 1994)

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٦﴾

Maksudnya: "Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang Yang mengetahui Dengan orang-orang Yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang Yang berakal sempurna.

Masyarakat yang mempunyai budaya ilmu mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. (Mustaffa Kamil Ayub, 1994). Antara ciri-cirinya ialah menjadikan Tauhid sebagai asas penting dan konsep terpenting dalam sebarang pembicaraan, mencerminkan sifat bersepadu di antara konsep ketuhanan, manusia dan alam semesta, menekankan kesinambungan dan bertradisi, meletakkan al-Qur'an dan al-Hadith sebagai sumber sah yang asas, memberi pengiktirafan kepada alam benda sebagai salah satu sumber ilmu kepada manusia, bersifat sepanjang hayat, tiada perbezaan di dalam hak dan kewajipan mendapatkannya, tiada diskriminasi antara kaya dan miskin di segi pemerolehannya, bersifat sejagat dan tidak eksklusif, ditandai dengan persuratan (bukan secara lisan-khabar angin) dan mempunyai metodologinya sendiri.

Apakah kepentingan ilmu dalam kehidupan insan? Antara lain kepentingan ilmu ialah untuk memantapkan iman, menjadi asas kesempurnaan ibadah, teras kegemilangan ummah dan sebagai asas perubahan martabat manusia (Kipli Haji Yassin, 2007).

Firman Allah s.w.t:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿١١﴾

Maksudnya: Allah meninggikan darjat orang-orang Yang beriman di antara kamu, dan orang-orang Yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuannya tentang apa Yang kamu lakukan.

Kekuatan ilmu yang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu bangsa akan memacu kepada pembangunan insan yang lebih mantap dan menyeluruh. Pembangunan insan menurut perspektif Islam mestilah mengambil kira aspek pembangunan rohani dan akhlak serta perlu seiring dengan pembangunan kebendaan. Ini bererti bentuk pembangunan yang dianjurkan oleh Islam bukanlah pembangunan ekonomi dan sains teknologi semata-mata, sebaliknya mencakupi semua bentuk pembangunan yang diperlukan oleh sesebuah tamadun bangsa yang berteraskan Islam sebagai cara hidup. Ia

mestilah bersifat sepadu di antara pembangunan ekonomi, politik, sosial dan spiritual (Rosni Samah et.al ,2006).

Sesuai tamadun tidak dapat dibina tanpa tradisi ilmu malahan kedua-duanya berkembang seiring. Pembinaan tamadun kini perlu mengambil kira tradisi keilmuan dengan mewujudkan serta memperbanyakkan institusi pendidikan yang berkualiti dan bertaraf antarabangsa. Usaha juga perlu untuk melahirkan ulama, sarjana dan pemikir yang berkaliber yang mampu membuat kajian, penyelidikan dan penterjemahan.

Tamadun berkembang tertakluk kepada faktor manusia yang berperanan di dalamnya. Semakin tinggi pencapaian keilmuan manusia semakin tinggi pencapaian tamadunnya. Negara Malaysia memberi penekanan kepada aspek ilmu. Setiap tahun peruntukan untuk pendidikan antara bahagian utama dan diberi penekanan. Institusi pendidikan dibangunkan bermula dari pendidikan asas, rendah, menengah dan tinggi. Pencapaian yang baik dalam pendidikan menjadi alat penting dan pemangkin kepada perkembangan tamadun bangsa Malaysia dalam segenap segi. Dengan ini akan lahir ramai cendekiawan yang berfungsi mengisi makna sebuah tamadun yang maju.

Dua istilah yang sering dikaitkan sebagai cabaran dalam pembinaan tradisi ilmu ialah *sekularisme* dan *dualisme*. Maksud sekularisme ialah fahaman yang menolak atau memisahkan agama atau ciri-ciri keagamaan daripada urusan-urusan yang tidak bersangkutan dengan agama (Kamus Dewan 1993). Sekularisasi pula merupakan proses yang mengheret manusia keluar dari pegangan agama dan metafizikal. Semua yang ada kaitan dengan aspek rohani dihakis. Fahaman ini menular dalam semua aspek kehidupan, politik, budaya dan bahasa. Ringkasnya sekularisme adalah satu fahaman yang memisahkan antara urusan agama dan kehidupan dunia.

Menurut Dr. Mahmud Zuhdi dan Nurcholish Madjid (2003), sekularisme ialah satu fahaman yang berorientasikan dunia. Ia muncul sebagai hasil daripada 'zaman kesedaran' di Eropah yang bersemangat anti agama. Pemikiran sekular yang memisahkan antara agama dan keduniaan ditolak di mana akidah dan ilmu perlu disepadukan bagi

memastikan insan yang dididik akan dapat dibentuk sebagai *khalifatullah* yang bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugasnya. Pemisahan antara akidah dan ilmu akan melahirkan manusia yang tidak seimbang dan akhirnya akan mewujudkan kerosakan di muka bumi. Aspek kerohanian dengan sendiri akan dikesampingkan oleh manusia yang menyebabkan wujudnya keterbatasan dalam sumber-sumber ilmu dalam pendidikan itu sendiri.

(Mahmud Zuhdi Abd. Majid dan Nurcholish Madjid. 2003. Ensiklopedia Islam Untuk Pelajar. Era Visi Publication Sdn. Bhd.

Menyentuh tentang *dualisme* pula, Rosnani Hashim (2002), menyatakan bahawa kewujudan dua sistem pendidikan bagi umat Islam di negara ini bermula selepas penjajahan oleh pihak Inggeris pada abad ke 18. Dualisme dalam pendidikan adalah melibatkan dua sistem pendidikan iaitu sistem kebangsaan sekular dan pendidikan agama Islam yang berjalan serentak dan berfungsi melahirkan golongan cendekiawan yang berbeza mengikut falsafah pendidikan yang mendasari kedua-dua sistem pendidikan ini.

Pemetakan ilmu yang berlaku dalam sistem pendidikan khususnya pemisahan nilai agama mahu pun nilai murni dari sebarang disiplin ilmu lebih menyemarakkan lagi dualisme di dalam pendidikan. Cabaran inilah yang seringkali menjadi penghalang kepada pembangunan tradisi ilmu yang sewajarnya dilaksanakan sebagai satu daripada tuntutan agama. (Rosnani Jamil. 2002. Dualisme Pendidikan Umat Islam di Malaysia : Sejarah, Perkembangan dan Cabaran Masa Depan. Jurnal Pendidikan Islam. Jilid 10 Bil 2. Disember 2002. ABIM.

3.5 CABARAN KEHARMONIAN HIDUP BERAGAMA

Untuk membina semula tamadun Islam, umat Islam harus kembali merenung diri sendiri untuk mencari penyakit yang dihadapinya. Tiga penyakit yang sedang dihadapi oleh masyarakat Islam hari ini ialah pemikiran yang mati, jiwa yang lemah dan iman yang telah padam sinarnya. Umat Islam perlu menganggap kerohanian sebagai satu aspek yang penting dalam membangunkan umat. Ajaran kerohanian ini perlu dilihat dalam konteks

fungsi sosialnya yang mendatangkan faedah dan kebaikan kepada kehidupan manusia. Dari latihan-latihan kerohanian ini akan lahir peribadi-peribadi mulia untuk membentuk suatu dunia yang aman damai.([http:// www.pts.com.my](http://www.pts.com.my))

Ghazali Basri (2004) dalam tulisannya menyenaraikan perkara-perkara berikut sebagai isu dan cabaran dalam keharmonian hidup beragama.

Pertama ialah kesenggangan generasi (*generation gap*). Menurut Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia tahun 2000, lebih kurang 65% daripada jumlah penduduk 23,274,690 adalah kelahiran selepas merdeka. Mengikut teori Ibnu Khaldun satu generasi bersamaan 40 tahun umur alami. Semangat juang dan kekitaan (*'asobiyah*) telah mula luntur pada generasi kedua dan keadaannya semakin longgar dan mulai pupus apabila sampai kepada generasi ketiga. Gejala ini sudah dapat dikesan di kalangan generasi muda; lupa dan tidak menjiwai semangat perjuangan datuk nenek dalam membangunkan negara dan bangsa.

Kedua berhubung perubahan nilai, gaya hidup dan impak sistem komunikasi dan informasi. Menurut Ghazali Basri (2004) kecanggihan media komunikasi turut mendatangkan aspek-aspek negatif seperti kehidupan individualistik, luntur rasa kepedulian sosial, mudah terperangkap dalam gaya hidup hedonistik dan sebagainya lagi. Tidak ketinggalan perubahan tersebut akan meruntuhkan idealisme dan semangat juang dan memperkukuhkan sikap agnostik (*tak acuh*) terhadap kepentingan agama di kalangan masyarakat.

Ketiga; masyarakat majmuk (*plural society*) yang mengekalkan identiti khusus dalam kehidupan beragama dan berbudaya. Sikap ini jika tidak diperbetulkan akan membawa kepada penafian hak beragama orang lain dan tidak mahu berurusan dengan orang yang bukan seagama. Malahan jika keterlaluan boleh membawa salah faham dan ketegangan.

Keempat pula menyentuh tentang sikap mahu menyamakan semua agama dengan dizahirkan atas nama toleransi beragama. Impaknya telah wujud gerakan pemikiran

seperti Jaringan Islam Liberal (JIL). Secara sedar atau tidak sebenarnya isu pluralisme agama menurut perspektif Barat boleh mengelirukan, merosak dan melunturkan akidah umat beragama.

Kelima; keharmonian hidup beragama di kalangan kaum di negara ini adalah tidak tulen. Dengan erti kata lain ia tidak berasaskan kepada ilmu dan keyakinan (*knowledge and conviction*) malahan boleh diibaratkan sebagai kosmetik. Sebagai contoh, amalan kunjung mengunjung di waktu perayaan mungkin berlaku di kalangan penghuni bandar saja tanpa sebarang jaminan amalan tersebut dapat memberi kesan mendalam di jiwa rakyat.

Perkara terakhir adalah berhubung gejala polarisasi kaum yang semakin ketara. Fenomena ini berpunca dari sistem pendidikan dan sistem politik kepartian yang berlandaskan ras atau kaum. Punca lain yang boleh dikaitan dengan isu ini ialah kebangkitan kesedaran agama yang bersifat eksklusif iaitu tidak mengambil kira suasana (*setting*) yang ada di Malaysia

4. CADANGAN PENYELESAIAN

Keruntuhan akhlak biasanya dikaitkan dengan sistem pendidikan di peringkat persekolahan dan ketidakupayaan ibu bapa mendidik anak mereka selaras dengan cabaran persekitaran dan perkembangan semasa. Islam membekalkan resepi yang terbaik untuk menghasilkan kesedaran moral yang tinggi dan menterjemahkannya dalam perilaku. Ini kerana, Islam memandang berat pembentukan kemanusiaan dalaman dan luaran serta menggariskan beberapa panduan penting tentang pembentukan nilai-nilai kemanusiaan.

Seterusnya aspek pemakanan yang menyuburkan fizikal kemanusiaan juga dianggap penting untuk mengawal dan menyuburkan aspek kerohanian. Oleh itu, punca rezeki mestilah dipastikan daripada sumber yang halal lagi diredhai oleh Allah s.w.t. Di

samping aspek kerohanian, aspek kestabilan psikologi atau emosi juga dipandah oleh Islam sebagai faktor penting yang mempengaruhi tingkahlaku. Oleh yang demikian, Islam menyedarkan tentang kepentingan membentuk psikologi atau emosi yang seimbang sejak usia kanak-kanak lagi. Dalam hal ini, Rasulullah s.a.w perlu dijadikan model kepada akhlak yang baik dan murni kepada semua orang.

Selain itu, sistem pendidikan negara yang menekankan aspek pencapaian kemajuan akademik perlu mengambil pendekatan Pendidikan Islam yang menggabungkan secara serentak pencapaian ilmu pengetahuan dan ketinggian moral. Sistem kekeluargaan yang betul dan menepati syarak dapat membendung banyak permasalahan moral dan sosial. Islam juga menganggap masyarakat sebagai satu mekanisma penting yang boleh membendung segala penyakit sosial.

Memandangkan dadah telah diisytiharkan sebagai musuh negara kerana ia melibatkan segenap lapisan masyarakat dan bangsa, maka usaha untuk memerangnya menjadi tugas dan tanggungjawab semua pihak terutamanya para pendidik. Ini disebabkan pendidik terlibat secara langsung dengan para pelajar yang menjadi aset penting negara pada masa hadapan. Begitu juga dengan ibu bapa, yang merupakan orang yang paling rapat dengan anak-anak. Sabda Nabi Muhammad s.a.w ” Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah (bersih). Ibu bapanyalah yang menjadikan mereka yahudi, nasrani maupun majusi” . Oleh itu, amat penting golongan ini melengkapkan diri dengan strategi maupun kaedah bertindak tertentu yang relevan serta berkesan serta bersesuaian untuk jangka pendek dan panjang.

Mereka mestilah mempunyai maklumat mendalam dan tepat tentang dadah seperti jenis-jenis, tanda-tanda penagihan, bahayanya dan lain-lain lagi. Keadaan guru dan ibu bapa yang mesti berkomunikasi dan bergaul rapat dengan pelajar-pelajar dan anak-anak masing-masing, memberi kesempatan yang luas untuk mereka melakukan aktiviti pencegahan. Mereka sewajarnya meluangkan masa bersama-sama, memberi didikan agama dan moral, menerapkan pembinaan keyakinan diri anak-anak atau para pelajar serta memberi penghargaan dan berlaku adil.

Kerajaan juga dengan dibantu agensi bukan kerajaan boleh meneruskan kesinambungan ini melalui tugas penguatkuasaan, usaha pencegahan, penyelarasan dan pendidikan. Ini selaras dengan Moto Jawatankuasa Kabinet Membanteras Gejala Dadah (JKMD) iaitu merealisasikan Malaysia Bebas Dadah menjelang tahun 2015. (Abdul Ghafar Taib, 2005).

Banyak usaha yang telah, sedang dan bakal dilaksanakan oleh kerajaan dan pihak-pihak berwajib bagi menangani masalah masyarakat majmuk seperti pengisian semangat kemerdekaan yang positif dan berkesan melalui penghayatan sejarah negara sebelum dan selepas kemerdekaan. Ini diharapkan tidak menimbulkan suara-suara sumbang yang meminta beberapa perkara yang telah dipersetujui sebagai kontrak sosial kemerdekaan, seperti hak keistimewaan bumiputera, penetapan Dasar Ekonomi Baru, Islam sebagai agama rasmi negara, bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan lain-lain lagi. Selain itu, adalah penting untuk dibentuk kebudayaan Malaysia sebagai teras yang boleh menyatukan semua etnik Malaysia tanpa menafikan kebudayaan etnik yang bersikap individu dan berbeza antara satu sama lain. Selagi ianya tidak mendatangkan gangguan dan keretakan masyarakat Malaysia keseluruhannya, maka kebudayaan tersebut tidak boleh diperkecilkan atau dihalang kebebasannya. Konsep kebudayaan Malaysia perlu diasaskan kepada nilai-nilai murni dan universal yang terdapat pada semua etnik di samping menonjolkan manifestasi rakyat Malaysia sendiri.

Nilai universal yang terdapat pada agama Islam wajar dijadikan teras pembentukan masyarakat majmuk Malaysia, sesuai dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi. Namun hakikat yang juga mesti dilihat ialah bangsa Melayu merupakan bangsa nukleus kepada masyarakat Malaysia yang perlu dijaga kepentingannya dari sudut ekonomi dan pendidikan.

Berkaitan masalah pendatang asing pula, sikap berlembut kerajaan kadang kala ditaf asirkan sebagai amat tidak tegas sehinggakan pendatang bersikap tidak takut dan selalu mengambil mudah kemampuan pihak berkuasa kita serta pelaksanaan hukuman

yang dijalankan. Oleh itu, amat penting bagi pihak berkuasa kita yang terdiri dari polis, tentera, RELA, Jabatan Imigresen dan sebagainya mengembalikan semula integriti mereka. Kebanjiran pendatang mestilah dibanteras habis-habisan tanpa bermusim dengan sentiasa menjalankan operasi besar-besaran memburu dan menangkap pendatang haram. Para pemimpin dan penguatkuasa sewajarnya turun padang dan melihat sendiri betapa gawatnya kebanjiran pendatang kepada rakyat Malaysia sendiri.

Dalam keadaan sekarang, barangkali wajar dibekukan dahulu pengambilan pekerja asing dari semua negara kecuali untuk sektor berkemahiran tinggi. Pemantauan dan penelitian yang ketat juga mestilah dijalankan dari masa ke semasa bagi memastikan hanya tenaga kerja yang sah, berdaftar serta berkelayakan sahaja yang diambil bekerja di negara ini. Setiap pemilik rumah maupun bangunan sepatutnya diwajibkan memaklumkan kepada pihak berkuasa jika mereka menyewakan premis kepada pendatang asing. Secara tidak langsung, ini memudahkan pihak berkuasa mengakses bilangan dan lokasi pendatang. Bagi agensi pekerja asing yang bermasalah, kenakan tindakan yang menasabah mengikut kategori kesalahan sama ada diberi amaran, tindakan undang-undang yang setimpal ataupun terus disenaraihitamkan.

Begitu juga jika terdapat sebarang permintaan majikan dari sektor tertentu untuk mendapatkan tenaga kerja asing, kerajaan perlulah menyiasat keperluannya terlebih dahulu di samping berusaha menggembelng menyediakan sumber manusia dari kalangan penduduk tempatan.

Seterusnya, bagi memajukan bangsa Melayu dalam satu budaya yang murni sepanjang zaman adalah dirasakan bangsa Melayu memerlukan satu formula atau paradigma pemikiran positif yang dibentuk berdasarkan kepercayaan kepada *ad-dinul* Islam, pengetahuan saintifik, Tamadun Barat dan nilai-nilai murni rakyat Malaysia. Menurut Abdul Razak Ahmad (2006), orang Melayu perlu mempunyai nilai positif 4L iaitu:

- L - Luhur-ciri-ciri keislaman
- L - Lahir-mempunyai otak, akal atau minda / pemikiran yang baik

- L - Logik-terdapat dalam hemisfera otak kiri yang mahir, pandai dan cekap dalam bidang sains dan teknologi.
- L - Lateral- kemahiran yang tercetus dalam hemisfera otak kiri dalam bentuk seni dan kreativiti manusia.

Gagasan Islam Hadhari yang dikemukakan oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia perlulah diterima sebagai satu medan buat umat Islam dalam membangunkan semula kegemilangan Islam yang telah jatuh seiring dengan kejatuhan Kerajaan Uthmaniah lalu. Ia juga merupakan satu peluang bagi membuka minda dan lembaran baru bagi masyarakat bukan Islam agar dapat memahami dan meneliti nilai keislaman untuk dijadikan sandaran dalam mengerakkan inisiatif memakmurkan negara Malaysia. Meletakkan Islam Hadhari sebagai satu keutamaan dari sudut positif akan menggalakkan suasana sihat antara kaum di Malaysia. Sebarang hujah berbentuk negatif dan provokasi harus dielakkan demi menjana idea bagi menggerakkan usaha *ma`ruf* (mendorong kebaikan dan keadilan), menolak kemungkaran (kejahatan) serta kebathilan (kebinasaan).

Tidak ketinggalan, masyarakat Malaysia perlu berusaha untuk menguasai pelbagai bidang ilmu. Penguasaan ilmu menyebabkan umat Islam dapat membezakan kebenaran dan kebatilan. Pelbagai kepercayaan tahyul dan khurafat yang berasaskan adat resam segera dibasmi menerusinya. Penguasaan ilmu pengetahuan secara berterusan akan membantu masyarakat Malaysia sentiasa kehadapan dan bersifat semasa. Ini boleh dimantap dan diperkasakan dengan penekanan ilmu bersifat *revealed knowledge* (Ilmu wahyu) sehingga mampu menjana sebuah negara yang disegani sebagaimana yang pernah dicetuskan tamadun Islam suatu masa dahulu. Mereka menjadi pencetus perkembangan tamadun ilmu di dunia barat.

Di dalam menangani cabaran keharmonian hidup beragama, amat penting bagi umat Islam memahami Islam sebagai sistem kehidupan yang menyeluruh (Islam sebagai cara hidup / *Islam is the way of life*). Islam bukan satu *ritual* semata-mata kerana ritualisme hanya menumpukan akhirat semata-mata, sedangkan asas kejadian manusia sendiri terdiri dari dua unsur (roh dan jasad) di mana ia perlu diseimbangkan dengan

seadil-adilnya. Justeru itu, Islam perlu dijadikan satu sistem integrasi kehidupan sama ada kehidupan duniawi (dunia) dan persiapan ukhrawi (akhirat / *judgement day*).

RUMUSAN